

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
(LANANG)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 24.05.2016

Y.B. PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan penerima BR1M sejak BR1M mula diberikan dan jumlah peruntukan BR1M bagi setiap tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) mula dilaksanakan pada tahun 2012 yang bertujuan untuk membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Bilangan penerima BR1M sejak mula dilaksanakan dan jumlah peruntukan BR1M bagi setiap tahun adalah seperti jadual berikut:

KATEGORI / TAHUN	2012		2013		2014		2015		2016	
	Bil Penerima	Amaun (RM)	Bil Penerima	Amaun (RM)	Bil Penerima	Amaun (RM)	Bil Penerima	Amaun (RM)	Bil Penerima	Amaun (RM)
Keseluruhan	4,179,062	2,089,531,000	6,802,423	2,902,230,750	6,959,549	3,640,562,350	7,437,522	5,345,263,100	7,075,831	5,130,669,550

Peserta e-kasih (dibawah RM1,000)									162,535 (RM1050)	170,661,750
Isi Rumah (RM3,000 kebawah)	4,179,062 (RM500)	2,089,531,000	4,806,500 (RM500)	2,403,250,000	4,275,026 (RM650)	2,778,766,900	4,271,964 (RM950)	4,058,365,800	3,405,311 (RM1000)	3,405,311,000
Isi Rumah (RM3,001 - RM4,000)	-	-	-	-	376,257 (RM450)	169,315,650	428,630 (RM750)	321,472,500	378,757 (RM800)	303,005,600
Individu Bujang (RM2,000 kebawah)	-	-	1,995,923 (RM250)	498,980,750	2,308,266 (RM300)	692,479,800	2,736,928 (RM350)	957,924,800	3,129,228 (RM400)	1,251,691,200

Jumlah bagi tahun 2016 masih belum mengambil kira kelulusan bagi permohonan rayuan yang masih dalam proses verifikasi oleh LHDNM.

SOALAN NO: 90

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TUAN V. SIVAKUMAR

TARIKH: 24 MEI 2016

SOALAN:

Tuan V. Sivakumar [Batu Gajah] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah pekerja yang telah dibuang kerja di sektor swasta pada tahun 2014, 2015, dan setakat April 2016 mengikut negeri. Adakah Kementerian menjangka kadar pengangguran akan terus meningkat pada tahun 2016 dan 2017.

PR-1342-L74930

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

1. Tindakan pemberhentian pekerja adalah kesan dari ketidakstabilan pasaran ekonomi nasional dan global yang didorong oleh pengukuhan matawang Dollar Amerika Syarikat menyusutkan nilai Ringgit Malaysia (RM) telah mempengaruhi keseimbangan pasaran tenaga kerja negara. Dalam masa yang sama, berlakunya kejatuhan harga minyak mentah dunia juga telah memburukkan lagi isu pemberhentian pekerja ini.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia, bilangan pekerja yang dihentikan kerja bagi tahun 2013, 2014, 2015 dan sehingga 30 Mac 2016 adalah seperti jadual di bawah. Angka ini merupakan angka pemberhentian secara biasa (retrenchment) dan pemberhentian secara sukarela (VSS) di seluruh negara.

Pemberhentian Pekerja Yang Dilaksanakan Mengikut Negeri Bagi Tahun 2013 hingga 2016

Negeri	2013	2014	2015	2016 (hingga Mac)
PERLIS	0	0	44	0
W.P PUTRAJAYA	0	27	63	0
W.P LABUAN	0	0	153	0
KELANTAN	217	133	128	0
KEDAH	338	107	135	0
TERENGGANU	57	5	627	24
SARAWAK	540	648	127	14
SABAH	492	343	508	13

NEGERI SEMBILAN	27	569	779	0
PAHANG	337	167	1,322	20
PERAK	1,457	1,432	587	169
MELAKA	1,400	3,053	427	5
JOHOR	2,615	3,897	1,109	134
PULAU PINANG	6,325	4,760	1,102	82
W.P KUALA LUMPUR	2,360	3,982	18,530	4,076
SELANGOR	16,921	6,794	12,858	1,997
Jumlah	33,086	25,917	38,499	6,534

Sumber : Labcur Market Database, JTK

3. Antara sektor utama yang terlibat adalah sektor kewangan dan insuran, pembuatan dan perlombongan, pengkuarian(sub sektor industri minyak dan gas) dan borong dan runcit. Berdasarkan rekod dari JTK terdapat beberapa sebab yang mendorong pihak majikan mengambil tindakan pemberhentian pekerja. Sebab-sebabnya adalah seperti berikut:

- (i) ketidakstabilan pasaran ekonomi nasional dan global;
- (ii) tiada permintaan terhadap barangan dan perkhidmatan;
- (iii) pemaksimaan teknologi maklumat dan komunikasi;
- (iv) penutupan perniagaan sepenuhnya/sebahagian;
- (v) pengecilan tenaga kerja;
- (vi) pengambilalihan syarikat;
- (vii) penstrukturan semula organisasi

4. Kementerian Sumber Manusia(KSM) telah mengambil tindakan yang drastik berhubung isu pemberhentian pekerja dengan menubuhkan Pusat Operasi Pemantauan Pemberhentian Pekerja Peringkat Nasional (POPPK), JTKSM, Putrajaya. Pusat operasi diperingkat negeri juga telah ditubuhkan bagi menjalankan

pemantauan secara rapi dan proaktif bagi memastikan hak-hak pekerja terjamin dan kebajikan tidak diabaikan

Tuan Yang di-Pertua,

5. Menurut statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, terdapat sebanyak 450,300 penganggur atau 3.1% kadar pengangguran di Malaysia pada tahun 2015. Kadar ini menunjukkan sedikit peningkatan daripada tahun 2014 iaitu 2.9%. Keadaan ekonomi negara yang agak lembap pada masa ini mungkin akan mengakibatkan peluang pekerjaan baru yang diwujudkan semakin berkurangan, namun dengan usaha giat kerajaan kadar pengangguran di Malaysia rendah walaupun pada situasi kegawatan ekonomi.

6. Di samping itu, Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh (PTB) yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan bahawa kadar pengangguran bagi negara ini adalah stabil antara 3.1% hingga 3.7% sejak tahun 1995 walaupun semasa negara mengalami masalah ekonomi. Berdasarkan kepada takrifan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), negara yang mempunyai kadar pengangguran kurang daripada 4% dianggap telah mencapai guna tenaga penuh, iaitu semua orang yang ingin bekerja sepatutnya boleh mendapat pekerjaan. Kadar pengangguran bagi tahun 2016 dan 2017 dijangka akan terus kekal pada tahap terkawal dengan inisiatif yang dibuat kerajaan.